



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PERANAN JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN  
RANCANGAN DALAM PEMBANGUNAN BELIA DI FELDA  
JERANGAU, TERENGGANU, MALAYSIA**

**MOHD RAZALI BIN HARUN**

**FEM 2008 13**



**PERANAN JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN RANCANGAN  
DALAM PEMBANGUNAN BELIA DI FELDA JERANGAU, TERENGGANU,  
MALAYSIA**

**Oleh**

**MOHD RAZALI BIN HARUN**

**Tesis Dihantar Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, Sebagai  
memenuhi Syarat Untuk Ijazah Master**

**Disember 2008**



## **DEDIKASI**

Naskah Ilmiah Ini Dikhaskan Kepada Semua Pejuang-Pejuang Sains Sosial,

Ahli – Ahli Akademik,

Para Pelajar,

&

Semua Yang Berminat Untuk Mendalami Ilmu Sains Sosial



**PERANAN JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN RANCANGAN  
DALAM PEMBANGUNAN BELIA DI FELDA JERANGAU, TERENGGANU,  
MALAYSIA**

Oleh

**MOHD RAZALI BIN HARUN**

**Disember 2008**

**Pengerusi: Sarjit Singh Gill, PhD**

**Fakulti: Ekologi Manusia**

Kajian ini adalah berkaitan dengan peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) dalam konteks pembangunan belia di rancangan Felda Jerangau, Terengganu. Senario pada masa kini menunjukkan bahawa belia di Felda berhadapan dengan pelbagai krisis seperti masalah sosio-ekonomi. Masalah belia di rancangan Felda perlu dipikul oleh organisasi akar umbi iaitu JKKR. Oleh itu, JKKR mempunyai peranan penting dalam membangunkan belia di rancangan selain menangani masalah sosio-ekonomi yang melanda golongan belia. Pendekatan kajian yang digunakan bercorak kualitatif yang menggunakan kajian etnografi di mana dua teknik utama digunakan, iaitu kaedah temubual mendalam dan pemerhatian tidak ikut serta. Lapan orang informan telah ditemubual dan pemilihan informan ini berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Untuk analisis data, temubual mendalam yang dirakamkan ditranskripsi ke dalam bentuk teks. Transkripsi tersebut disusun rapi selaras dengan susunan soalan dalam panduan temubual. Pelbagai konsep yang digunakan dalam menjalankan kajian ini misalnya pembangunan, komuniti, pembangunan komuniti, pembangunan belia dan organisasi berasaskan komuniti. Dapatan kajian mendapati bahawa belia di rancangan Felda



Jerangau menghadapi masalah sosio-ekonomi misalnya pengangguran, ketidakstabilan pendapatan dan penagihan dadah. Walaupun JKJR menjalankan program pembangunan untuk belia tetapi ia masih tidak mencukupi, tidak seimbang dan kurang menarik penyertaan belia. Tambahan pula JKJR sebagai badan tertinggi di rancangan menghadapi pelbagai masalah seperti masalah kewangan, kerandahan tahap pendidikan ahli JKJR dan konflik politik kepartian. Dengan masalah yang ada, maka JKJR tidak dapat menjalankan peranannya dengan berkesan dalam membangunkan belia. Oleh itu, JKJR wajar diperkemaskinikan agar ia sentiasa relevan dalam memberi perkhidmatan kepada komuniti setempat.



# **THE ROLES OF DEVELOPMENT AND SECURITY COMMITTEE IN YOUTH DEVELOPMENT IN FELDA JERANGAU, TERENGGANU, MALAYSIA**

By

**MOHD RAZALI BIN HARUN**

**December 2008**

**Chairman: Sarjit Singh Gill, PhD**

**Faculty: Human Ecology**

This study examines the roles of the Development and Security Committee (JKKR) for youth development in Felda Jerangau, Terengganu. Latest scenario show many youths in the Felda scheme faced socio-economic problems. As a grassroots organization, JKKR has plays an important roles for youth development and thus solved the socio-economic problems. This qualitative research focused on ethnography studies where the collection of data was done through observation without participant and in-depth interviews. In this study, eight informants were interviewed and they were selected based on several criteria. The data were analysis based on recorded in-depth interviews which were transcript in the text. Concept of development, community, community development, youth development and community based organization were also discusses in this study. The research findings show that majority youth in Felda Jerangau scheme experienced some critical socio-economic problems like unemployment, instability salary and drugs exaction. JKKR have conducted some programme for the youth but the participation of youth was not positive. Besides, JKKR as the highest body in the Felda scheme also faces various obstacles in developing the younger generation in this area. The main problems are financial support, low educational background among the JKKR members and to



some extent political conflicts among the members. These factors contributed to the decreased and ineffective of JKKR's roles in youth development. Therefore, JKKR needs some major improvement in order to stay relevant in the community as a body that gives the best services.



## PENGHARGAAN

Syukur saya setinggi-tingginya ke hadrat Allah Yang Maha Esa kerana dengan limpah dan keizinan-Nya, maka dapat saya menyempurnakan kajian ini dengan jayanya. Kajian ini merupakan kajian yang pertama semenjak melibatkan diri dalam bidang pembangunan komuniti. Oleh yang demikian, ia merupakan suatu titik permulaan kepada saya bagi mendalami cabang-cabang ilmu dalam bidang antropologi dan sosiologi. Sesungguhnya, kajian ini memberi seribu erti kepada saya lantaran pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi sepanjang menyiapkan kajian ini.

Sepanjang tempoh kajian ini dijalankan, pelbagai pihak telah banyak membantu saya. Terima kasih setinggi-tingginya kepada penyelia tesis, Dr. Sarjit Singh Gill yang banyak memberi kritikan membina, meminjamkan bahan-bahan ilmiah serta menggariskan panduan yang jelas dalam menjalankan kajian ilmiah. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada ahli jawatankuasa penyelia tesis, Prof. Madya Dr. Mohammad Shatar Sabran kerana memberi nasihat, kritikan dan pandangan ketika saya menyiapkan kajian ini. Setinggi penghargaan juga ditujukan untuk pihak Felda yang sudi memberi kerjasama dan kebenaran untuk menjalankan kajian ini di kawasan Felda Jerangau, Dungun, Terengganu. Tidak lupa terima kasih kepada keluarga yang tersayang kerana sentiasa memberi galakan, sokongan moral dan bantuan kewangan. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada komuniti Felda Jerangau terutama informan kerana memberi kerjasama baik kepada saya semasa berada di lapangan.





Kajian ini merupakan satu naskah yang terlalu kecil jika dibandingkan dengan naskah-naskah yang disumbangkan oleh sarjana-sarjana lain. Namun begitu, naskah ilmu ini sekurang-kurangnya dapat meningkatkan percambahan ilmu dalam kalangan pelajar, ahli akademik dan masyarakat umum. Semoga naskah ini dapat memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu terutama dalam bidang antropologi dan sosiologi.





This thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia and has been accepted as Fulfillment of requirement for the degree of Master of Science. The members of the Supervisory Committee are as follows:

**Sarjit Singh a/l Darshan Singh, PhD**

Senior Lecturer  
Faculty of Human Ecology  
Universiti Putra Malaysia  
(Chairman)

**Mohammad Shatar Sabran, PhD**

Associate Professor  
Faculty of Human Ecology  
Universiti Putra Malaysia  
(Member)

---

**HASANAH MOHD. GHAZALI**

Professor and Dean  
School of Graduate Studies  
Universiti Putra Malaysia

Date: 14 May 2009



## **DECLARATION**

I hereby declare that this thesis is based on my original work except for quotation and citations which have been duly acknowledged. I also declare that it has not been previously or concurrently submitted for any other degree at UPM or other institutions.

---

**MOHD RAZALI BIN HARUN**

Date: 01 April 2009



## ISI KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>DEDIKASI</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vii
<b>PENGESAHAN</b>	ix
<b>PERAKUAN</b>	xi
<b>ISI KANDUNGAN</b>	xii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI CARTA</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi

### BAB

<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Felda: Agen Pembangunan Komuniti	4
	1.3 Penyataan Masalah	9
	1.4 Objektif Kajian	13
	1.5 Sumbangan Kajian	15
	1.6 Definisi Konsep	17
	1.6.1 Pembangunan	19
	1.6.2 Komuniti	21
	1.6.3 Pembangunan Komuniti	24
	1.6.4 Pembangunan Belia	25
	1.7 Masalah Yang Dihadapi	28
	1.8 Batasan Kajian	30
	1.9 Rumusan	30
<b>II</b>	<b>ULASAN KARYA TERPILIH</b>	32
	2.1 Pengenalan	32
	2.2 Tema Sejarah	32
	2.3 Tema Sosial	38
	2.4 Tema Ekonomi	48
	2.5 Tema Politik	54
	2.6 Rumusan	59
<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	61
	3.1 Pengenalan	61
	3.2 Lokasi Kajian	61
	3.3 Pengumpulan Data	64
	3.4 Pemilihan Informan	69
	3.5 Analisis Data	71



3.6 Rumusan	71
<b>IV HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>73</b>
4.1 Pengenalan	73
4.2 Peranan JKJR	73
4.3 Pemilihan JKJR	74
4.4 JKJR Felda Jerangau	77
4.5 Struktur Organisasi JKJR	79
4.6 Sistem Blok	80
4.7 Majlis Pemesyuaratan	84
4.8 Exco-Exco JKJR	86
4.9 Pertubuhan-Pertubuhan Naungan JKJR	90
4.10 Badan/Organisasi Undangan	98
4.11 Pembangunan Belia di Felda Jerangau	99
4.11.1 Masalah Sosial-Ekonomi Belia di Felda Jerangau	99
4.11.2 Penyertaan Belia Dalam Program Pembangunan	116
4.11.3 Faktor-Faktor Penghalang JKJR Dalam Membangunkan Belia	125
4.12 Rumusan	141
<b>V KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	<b>143</b>
5.1 Pengenalan	143
5.2 Kesimpulan	143
5.3 Implikasi	145
5.4 Cadangan	149
<b>RUJUKAN</b>	<b>160</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>165</b>
<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>175</b>



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
1.1 Statistik Keluasan Kawasan Pertanian dan Bilangan Peneroka Mengikut Wilayah	4
2.1 Tahun Pembangunan Mengikut Peringkat, Tahun Program Tanam Tanam Semula dan Luas Kawasan Tanaman di Felda Jerangau	63
2.2 Bilangan Pengambilan Peneroka Mengikut Daerah di Felda Jerangau	63
2.3 Senarai Kemudahan di Felda Jerangau	64
4.1 Bilangan Tangkapan Dadah di Felda Jerangau	102



## SENARAI CARTA

<b>Carta</b>	<b>Muka Surat</b>
1.1 Struktur JKKR Dalam Pentadbiran Felda	14
4.1 Struktur Organisasi JKKR Felda Jerangau	82
4.2 Struktur Organisasi Biro-Biro JKKR Felda Jerangau	90



## SENARAI SINGKATAN

BK	- Bayaran Kembali
BTB	- Buah Tandan Baharu
FELDA	- Federal Land Development Authority
GPW	- Gerakan Pertubuhan Wanita
JKKK	- Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JKKR	- Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan
MPOB	- Malaysia Palm Oil Board
PAS	- Parti Islam Semalaysia
PBFJ	- Persatuan Belia FELDA Jerangau
PDRM	- Polis Di Raja Malaysia
PMS	- Pusat Mengumpul Sawit
RELA	- Ikatan Relawan Rakyat
RT	- Rukun Tetangga
SKFJ	- Sekolah Kebangsaan FELDA Jerangau
SMKJS	- Sekolah Menengah Kebangsaan Jerangau Sungai
UMNO	- United Malay Nation Organisation



# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Pada 31 Ogos 2007 yang lalu usia Malaysia genap separuh abad dan menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Kemerdekaan yang dicapai melalui diplomasi telah memberikan ruang kepada anak watan untuk mentadbir dan mengurus negara menurut acuan sendiri. Selepas mencapai kembali kemerdekaan, Semenanjung Malaysia<sup>1</sup> mula mengatur langkah untuk kemajuan dan pembangunan demi mempertahankan kedaulatannya sebagai sebuah negara yang bebas dan untuk membuktikan bahawa ia tetap boleh maju dan membangun walaupun tidak lagi bernaung di bawah payung politik penjajah (Rahimah Aziz 1989: 165).

Ternyata dalam tempoh 50 tahun mengecapi kemerdekaan, Malaysia telah mengalami banyak perubahan termasuk dalam aspek-aspek utama iaitu sosial, ekonomi dan politik. Namun begitu, pada awal kemerdekaan, negara telah mengalami pelbagai cabaran. Menurut Rahimah Aziz (1989: 166), antara masalah yang diwarisi oleh pemeritahan tempatan pada tahun 1957 ialah masalah eksploitasi pihak penjajah ke atas masyarakat tempatan, terutama dalam bidang ekonomi dan politik. Keadaan ini menyebabkan wujud masalah-masalah lain seperti kemiskinan dalam sektor desa dan dalam kalangan tertentu

---

<sup>1</sup> Semasa kemerdekaan diberikan kepada negeri-negeri semenanjung Malaysia (31 Ogos 1957), Sabah dan Sarawak masih lagi di bawah naungan penjajah Inggeris. Nama bagi Malaysia pada masa itu ialah Malaya. Negara Malaysia secara rasmi terbentuk pada 16 September 1963.



di bandar, masalah kelaparan tanah, pengangguran, kurang pembangunan di sektor tertentu, masalah kekurangan infrastruktur yang hanya terdapat di kawasan yang boleh mendatangkan keuntungan, masalah pemilikan dan penguasaan tanah dan pemilikan kekayaan negara asing. Oleh itu, masalah-masalah tersebut mendapat perhatian pihak kerajaan yang diterajui oleh Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

Menyedari akan hakikat tersebut, pihak kerajaan telah meneruskan rancangan pembangunan lima tahun<sup>2</sup> yang diasaskan oleh pihak penjajah. Melalui rancangan lima tahun ini, kerajaan telah merangka dan merencana agenda pembangunan untuk masyarakat. Bagi merancakkan dan melincinkan proses pembangunan, beberapa agensi turut diwujudkan bermula pada zaman penjajah seperti Lembaga Kemajuan Industri dan Desa (RIDA) pada tahun 1951 dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) pada tahun 1956. Kedua-dua agensi tersebut bertindak sebagai pemaju di kawasan desa yang pada masa selepas merdeka agak ketinggalan dari segi pembangunan fizikal. Misalnya, pada Rancangan Malaya Pertama (1956-1960), pihak kerajaan telah menubuhkan Felda. Tujuan penubuhan pihak berkuasa ini adalah untuk membuka skim-skim pembangunan tanah, memberi peluang pekerjaan dan membasmi kemiskinan dalam kalangan komuniti desa (Asnarulkhadi 2003: 103).

---

<sup>2</sup> Rancangan pembangunan lima tahun merupakan rancangan yang biasa dilaksanakan di negara Dunia Ketiga. Di Malaysia, Draf Rancangan Pembangunan (1950-1955) dan Rancangan Malaya Pertama dirumus oleh pihak Inggeris, manakala Rancangan Malaya Kedua dan seterusnya dirumus oleh pemimpin tempatan.

Walaupun Felda diwujudkan pada zaman penjajah tetapi idea penubuhannya telah diilhamkan oleh Tun Dr. Ismail serta mantan Perdana Menteri yang kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak. Hasil usaha para pemimpin terdahulu telah meninggalkan kesan dan sejarah penting kepada Malaysia. Buktinya, Felda masih lagi mengekalkan kewujudan dan kesinambungannya sehingga kini. Pada Julai 2006, Felda telah menyambut ulang tahun ke 50. Dalam tempoh tersebut, badan ini telah membuktikan keutuhannya sebagai pemaju tanah terbesar di Malaysia. Felda telah mencapai banyak kejayaan terutama dalam memajukan masyarakat luar bandar. Sehingga tahun 2006, Felda telah menempatkan lebih 104,946 orang peneroka<sup>3</sup> di 278 buah rancangan penempatan. Bagi memenuhi keperluan para peneroka, pihak FELDA juga telah membuka dan membangunkan 454,385.47 hektar tanah bagi tujuan pertanian perladangan kelapa sawit dan getah (Felda 2006) (Lihat Jadual 1.1).

Felda bukan sahaja bertindak sebagai pihak yang membangunkan tanah pertanian tetapi yang paling penting ia telah mewujudkan sebuah komuniti baharu melalui proses penempatan semula. Sememangnya, proses mewujudkan sesebuah komuniti baharu itu amat rumitkan. Hal ini kerana pihak Felda khasnya, perlu menyediakan perancangan dalam setiap aspek terutamanya aspek fizikal dan sosial. Perancangan seumpama ini perlu dalam menjana sebuah komuniti yang lebih maju, tidak seperti sebelum menyertai rancangan. Selain mencapai kemajuan dalam aktiviti ekonomi, para peneroka juga diberi peluang untuk menyertai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR). Ini merupakan salah satu tindakan ke arah perancangan sosial untuk membentuk komuniti

---

<sup>3</sup> “Peneroka” merujuk kepada peserta-peserta lelaki atau perempuan yang menyertai tanah rancangan FELDA secara sah menurut perjanjian yang termaktub dibawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok 1960) dan pindaannya (FELDA 1978: 2) (Dipetik daripada Zainal 1986: 26)

yang matang dan berdaya saing. Melalui JKRR, peneroka tempatan dapat membentuk daya kepimpinan dan menggalakkan penglibatan dan penyertaan para peneroka dalam pelbagai kegiatan Felda (Shamsul Bahrin & Perera 1977: 86).

**Jadual 1.1 Statistik Keluasan Kawasan Pertanian dan Bilangan Peneroka Mengikut Wilayah**

Wilayah	Kelapa Sawit (Hektar)	Getah (Hektar)	Bilangan Peneroka
Raja Alias	26,673.79	3,964.76	7,849
Alor Star	355.78	14,404.24	4,047
Raja Alias	32,817.91	36,928.87	16,449
Segamat	33,903.94	13,474.87	11,430
JohorBahru	70,985.10	665.03	17,565
Jengka	47,043.62	16,958.94	14,974
Mempaga	51,682.65	4,992.55	13,133
Kuantan	58,567.09	3,001.68	105,065
Terengganu	28,072.37	3,566.57	7,463
Gua Musang	14,904.40	432.52	3,122
Sahabat	10,136.18	-	1,648
Jumlah	375,142.83	98390.03	112,745

Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada statistik Felda 2006

Penubuhan JKRR dalam setiap rancangan kawasan tanah dapat memberi impak yang besar kepada para peneroka dari aspek kepimpinan dan pentadbiran. JKRR masih relevan kepada para peneroka walaupun sering mengalami perubahan dan pembaharuan. Perubahan tersebut merupakan perkara lumrah dan tidak menjadi penghalang untuk proses penambahbaikan. Sehingga kini JKRR dapat menjalankan peranannya walaupun sering berhadapan dengan pelbagai cabaran dalaman dan luaran yang tidak menentu.

## 1.2 Felda: Agen Pembangunan Komuniti

Penubuhan institusi Felda pada Julai 1956 telah memberikan dampak besar kepada perkembangan kemajuan Malaysia apabila ia diberikan peranan asas untuk memajukan

kawasan luar bandar. Felda telah ditubuhkan untuk “menggalakkan dan membantu penyiasatan, menyusun dan menjalankan rancangan-rancangan bagi membuka dan memajukan tanah di Persekutuan Tanah Melayu”. Dasar Felda itu akan diasaskan atas cadangan-cadangan yang dibuat oleh badan kerja yang ditubuhkan untuk membincangkan hal-hal pembukaan kawasan baharu. Satu penyata yang mengandungi cadangan-cadangan ini tersebut telah diterbitkan pada 1956 dan diterima oleh Majlis Mesyuarat Undangan pada 14 Mac 1956 (Felda 1956: 1). Ini berikutan kawasan luar bandar mengalami keciciran dalam keseluruhan aspek kehidupan terutama pada zaman pasca-penjajahan.

Pada dasarnya penubuhan Felda adalah berpaksikan pembangunan tanah di luar bandar. Ini kerana pada zaman pasca-penjajah, negara mempunyai keluasan tanah yang belum diterokai terutama di sekitar kawasan luar bandar. Ini berikutan penjajah British kurang memajukan kawasan tersebut pada era pemerintahan dahulu.<sup>4</sup> Kesempatan ini diambil oleh kerajaan di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman untuk mengarahkan proses penerokaan kawasan hutan untuk dimajukan. Usaha pihak Felda memajukan kawasan luar bandar telah melahirkan komuniti baharu di kawasan pembangunannya (Sulong Mohamad 1985: 4). Ringkasnya, kawasan yang diteroka itu akan dijadikan penempatan baharu untuk komuniti baharu.

---

<sup>4</sup> Di era pemerintahan penjajah British, pembangunan hanya tertumpu di Negeri-Negeri Selat iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura serta Negeri-Negeri Melayu Bersekutu iaitu Pahang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Di negeri-negeri tersebut kawasan yang memberi kepentingan ekonomi kepada kuasa British sahaja yang mendapat manfaat pembangunan seperti kawasan perlombongan, perniagaan dan pelabuhan.

Dari segi sejarah dan tradisinya, sememangnya penduduk di luar bandar menjalankan ekonomi pertanian. Ini kerana pertanian telah diterima umum sebagai cara hidup komuniti luar bandar. Melalui pembangunan tanah, para peneroka diberi peluang untuk menjalankan aktiviti pertanian. Menurut Shamsul Bahrin & Perera (1977: 27), Felda telah memutuskan saiz tanah terendah bagi sesebuah rancangan ialah 4500 ekar untuk didiami oleh 400 buah keluarga. Penentuan saiz tanah yang ekonomis<sup>5</sup> perlu untuk menjamin aras pendapatan yang diinginkan (Sulong Mohamad 1985: 44). Berdasarkan perkiraan tertentu, didapati saiz tanah seluas 8 ekar (3.2 hektar) adalah dianggap saiz yang ekonomis.

Tanah yang diberikan kepada para peneroka tersebut adalah bertujuan untuk menjalankan penanaman komoditi getah dan kelapa sawit.<sup>6</sup> Melalui hasil komoditi tersebut diharap dapat memberikan pulangan yang berpatutan kepada peneroka. Namun begitu, pihak Felda mengkaji semula dasar pemberian 8 ekar tanah tersebut apabila berlaku peningkatan kos hidup dan kos pembangunan. Misalnya, pada tahun 1975, para peneroka baru diberi tanah seluas 12 ekar (4.9 hektar) bagi tanaman getah dan 14 ekar (5.7 hektar) bagi tanaman kelapa sawit (Sulong Mohamad 1985: 44-47). Ternyata Felda bukan sahaja berperanan menyediakan tanah untuk kawasan penempatan tetapi juga untuk menjalankan kegiatan perekonomian bagi menjana pendapatan para peneroka.

---

<sup>5</sup> Penentuan saiz kebun dipertimbangkan melalui lima faktor, iaitu:

- a) Tanaman yang hendak ditanam,
- b) Banyaknya hasil yang dijangka dari tanaman,
- c) Objektif paras pendapatan,
- d) Keupayaan sesebuah keluarga peneroka menggunakan tenaga buruhnya sendiri, dan
- e) Kos serta pulangan yang dijangkakan (Shamsul Bahrin et.al 1992: 144)

<sup>6</sup> Rancangan Felda Lurah Bilut merupakan rancangan Felda pertama yang menjalankan penanaman getah manakala Rancangan Felda Taib Andak merupakan Rancangan Felda pertama yang menjalankan penanaman kelapa sawit.

Dari segi sosial, institusi Felda telah menyediakan pelbagai perkhidmatan awam di setiap rancangan. Setiap rancangan Felda dilengkapi dengan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan air paip, sekolah rendah dan kuarters perumahan guru, klinik dan perumahan bidan, pejabat pos dan balai polis. Dari kedudukan geografi, susunan fizikal rancangan adalah berbeza sama sekali dengan perkampungan tradisional, yang mana pusat rancangan diletakkan di pusat geografi bagi meminimumkan jarak dari rancangan ke lot-lot pertanian (Shamsul Bahrin et.al 1992: 271). Keadaan ini memberi kelebihan kepada para peneroka untuk menggunakan kemudahan awam yang disediakan di pusat rancangan, selain memudahkan interaksi dalam kalangan peneroka. Masjid juga didirikan bagi memudahkan peneroka beragama Islam menjalankan tuntutan agama seperti solat berjemaah, mendengar kuliah agama dan mengadakan sambutan hari-hari kebesaran Islam.

Pembangunan komuniti peneroka tidak mungkin tercapai tanpa penglibatan dan kerjasama daripada peneroka. Oleh itu, setiap komuniti di rancangan mempunyai JKKR (Sulong Mohamad 1985: 22). Apabila memasuki rancangan, peneroka akan diberikan satu lot rumah. Melalui kawasan rumah ini, peneroka diagihkan kepada blok-blok. Dalam setiap blok, seorang ketua dan penolong ketua blok dilantik. Ketua-ketua blok yang dilantik ini akan mewakili blok masing-masing untuk menghadiri mesyuarat JKKR.<sup>7</sup> Ini secara tidak langsung memberi peluang kepada ahli JKKR membincangkan dan menyelesaikan masalah serta merancang dan melaksanakan program-program pembangunan untuk manfaat komuniti di rancangan masing-masing.

---

<sup>7</sup> Sistem blok akan dihuraikan secara terperinci dalam bab yang seterusnya.



Menurut Shamsul Bahrin & Perera (1977: 86), dengan adanya badan seperti JKKR ini, maka kepimpinan peneroka dapat digilap dan ia memberi ruang dan saluran kepada penyertaan dan penglibatan ahli. Penubuhan JKKR adalah bertepatan dengan prinsip Felda yang mengharapkan peneroka - peneroka menjadi komuniti yang maju, berdaya saing dan mampu berdikari. Seterusnya, penyertaan golongan wanita dalam memajukan rancangan tidak diperkecilkan. Gerakan Pertubuhan Wanita (GPW) ditubuhkan bagi menarik golongan wanita untuk bersatu di samping menyertai program-program yang dianjurkan. Bagi golongan muda persatuan belia ditubuhkan bertujuan menggalakkan penglibatan belia terutama membentuk pemimpin yang bakal menggantikan kedua ibu bapa mereka kelak.

Dalam aspek kebudayaan pula, para peneroka diberikan kebebasan untuk mengamalkan kebudayaan masing-masing. Ini kerana dalam sesetengah rancangan terdapat peneroka yang berlainan agama, bangsa dan daerah.<sup>8</sup> Perbezaan ini wujud dalam konteks pengamalan dialek, kesukaan, tabiat dan sub-budaya berlainan antara peneroka (Shamsul A.B 1977: 82). Hal ini memberi satu cabaran baru kepada peneroka yang kurang terdedah dengan situasi yang menuntut perkongsian kawasan perkampungan dan kemudahan awam bersama komuniti lain. Namun begitu, ia tidak boleh dijadikan alasan untuk menyekat kebebasan dalam mengamalkan budaya watan masing-masing. Misalnya golongan peneroka berbangsa Melayu telah mengamalkan kebudayaan yang dibawa dari kampung asal mereka. Ini terbukti dengan wujudnya kumpulan *marhaban*, nasyid dan dikir barat di rancangan.

---

<sup>8</sup> Misalnya di rancangan Felda Lurah Bilut, terdapat kepelbagaian etnik yang menyertai rancangan tersebut dan komposisinya ialah Melayu (65.1%), Cina (26.6%) dan India (8.3%) (Colin MacAndrew, 1977: 93)